



**BERI SEMANGAT:** Profesor Madya Dr Faishal sedang membantu seorang murid membetulkan 'topi siswazah' yang dikenakannya. – Foto M.O. SALLEH

# Profesor Faishal: Semangat suka membaca satu 'pelaburan' berkesan

IBU bapa harus memainkan peranan membantu memupuk sifat membaca dalam diri anak-anak sejak kecil lagi.

Mereka bukan sahaja harus menyuruh anak-anak membaca, malah meluangkan masa untuk membaca buku bersama.

Demikian gesaan Setiausaha Parlimen (Kesihatan merangkap Pengangkutan), Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim, semasa berucap di majlis penyampaian sijil pelajar tadika 2 (K2) Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kidz Meadow di Pusat Konvensyen Politeknik Singapura (SP), semalam.

Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kidz Meadow itu dikendalikan oleh Mercu Learning Point.

Seramai 166 murid K2 meraih sijil mereka bagi menandakan tamatnya pengajian di peringkat prasekolah.

Prof Faishal berkata sifat membaca banyak memberi manfaat bukan hanya kepada anak-anak, malah ibu bapa juga.

Sifat sedemikian dapat mempertingkatkan tumpuan dan disiplin anak-anak dan membo-

lehkan ibu bapa menjalin hubungan lebih rapat dengan anak-anak apabila mereka membaca dan bercerita bersama.

Prof Faishal turut menekankan bahawa semangat membaca juga dapat membantu anak-anak meningkatkan kebolehan pembelajaran dan meraih pencapaian akademik lebih baik.

"Banyak kajian telah membuktikan bahawa pelajar yang terdedah pada semangat membaca sebelum melangkah ke prasekolah kemungkinan besar akan menunjukkan prestasi lebih cemerlang dalam semua tahap pendidikan formal," kata beliau.

Ketika ditemui, Prof Faishal menambah semangat membaca itu seolah-olah satu pelaburan yang boleh memberi kesan positif kepada anak-anak dan keluarga.

Beliau juga berkata membaca bukan hanya penting bagi pembangunan pendidikan, malah penting bagi pembangunan keluarga secara menyeluruh.

Contohnya, ibu bapa dan anak-anak yang kerap membaca dapat membincangkan isu-isu

yang terkandung dalam buku, akhbar dan rencana yang dibaca, sekali gus membolehkan mereka berinteraksi secara lebih intelektual.

Di samping itu, beliau juga menekankan peri pentingnya ibu bapa menitikberatkan pembacaan dalam kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa ibunda.

"Semangat membaca akan membentuk budaya sesebuah keluarga. Apa-apa perkara yang dibincangkan antara mereka akan merangkumi isu-isu yang dibaca oleh ibu bapa dan anak-anak.

"Saya rasa ini adalah satu proses pembangunan yang sangat baik dan akan memberi manfaat kepada seluruh keluarga," kata beliau.

Dalam majlis semalam, Prof Faishal turut menyaksikan pemberian cek bernilai \$19,500 oleh Pengerusi Mercu Learning Point, Encik Mohd Azmi Muslimin, kepada Pengerusi Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Azmoon Ahmad.

Wang tersebut akan disalurkan ke Dana Siap Ke Sekolah AMP.